

23/12/1998

IKS perlu lebih giat dalam sektor IT

Hizral Tazzif Hisham

KERAJAAN menggariskan objektif utama untuk membangunkan syarikat tempatan dalam kategori Industri Kecil dan Sederhana (IKS) untuk menyertai sektor teknologi maklumat (IT) bagi berkembang menjadi syarikat IT bertaraf dunia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata ketika ini jumlah penyertaan IKS dalam industri IT masih kurang memberangsangkan, berbanding begitu besar dan banyaknya IKS dalam industri IT di Taiwan, negara yang perbandingannya lebih kecil dari segi saiz negara dan penduduknya.

"Begitu juga Ireland yang juga lebih kecil saiznya daripada Malaysia mempunyai penyertaan IKS yang besar dalam sektor IT," katanya di Cyberjaya, minggu lalu.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas majlis menyiapkan pembinaan pusat penyelidikan dan pembangunan NTT MSC Sdn Bhd, anak syarikat Nippon Telegraph and Telephone Corporation (NTT).

Turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Tenaga, Telekomunikasi dan Multimedia, Datuk Leo Moggie; Presiden NTT, Junichiro Miyazu dan Panel Penasihat MSC, Dr Kenichi Ohmae.

Perdana Menteri berkata, beberapa usaha sedang dilaksanakan untuk menggerakkan sektor IKS dalam bidang IT, termasuk memperkenalkan rangkaian inkubator kebangsaan di universiti di seluruh negara ini.

"Sehubungan itu, kerajaan akan melaksanakan satu sistem untuk memberi kemudahan modal melalui penyertaan syarikat modal teroka secara perkongsian serta khidmat pengurusan untuk syarikat yang menyertai MSC," katanya.

Sistem yang dikenali sebagai I-Manager dan I-Market itu dijangka dapat menggalakkan lebih banyak syarikat IKS menyertai industri IT tempatan dengan menyediakan pelbagai insentif menarik dengan penyertaan syarikat modal teroka tempatan dan antarabangsa.

Sistem yang dibangunkan mengikut model Sweden itu yang mana I-Manager akan membantu syarikat untuk mengurus, mengenal pasti keupayaan dan teknologi yang dibangunkan selama dua atau tiga tahun.

Jika syarikat IKS itu mempunyai potensi untuk memasuki pasaran Mesdaq, ia akan diperkenalkan kepada I-Market yang mana syarikat modal teroka boleh melabur di dalamnya secara berkelompok sebelum ia disenaraikan di Mesdaq.

Menurutnya, Universiti Multimedia yang dibangunkan di MSC akan bertindak sebagai pusat untuk menyalurkan sumber tenaga kerja berkemahiran dan mempunyai minat keusahawanan tinggi.

Beliau berkata, Malaysia perlu lebih banyak belajar untuk memantapkan industri ITnya daripada negara yang sudah berjaya.

Sementara itu, NTT MSC Sdn Bhd (NTT MSC), anak syarikat NTT, antara 10 syarikat perintis Koridor Raya Multimedia (MSC) akan menjadikan pusat penyelidikan dan pembangunannya (R&D) sebagai pusat terulung dalam bidang telekomunikasi.

NTT MSC akan melakukan penyelidikan dalam bidang tambah nilai untuk sistem rangkaian global Arcstar dan menawarkan rumusan perkhidmatan penyelesaian secara keseluruhan untuk syarikat multinasional, termasuk frame relay, talian suwa dan penyedia Internet.

Pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang merangkumi pusat inkubator, teknologi maklumat dan telekomunikasi, latihan dan pindahan

teknologi adalah pusat penyelidikan NTT adalah yang kedua terbesar di luar Jepun dengan pelaburan RM50 juta untuk menyediakan bangunan dua tingkat berkeluasan 2,900 meter persegi.

Ia dijangka siap Mei tahun depan dengan kekuatan 100 pekerja menjelang tahun 2000, merangkumi pekerja berpengetahuan dari seluruh dunia selaras dengan polisi global NTT MSC.

Pelaburan NTT dalam projek MSC adalah yang kedua terbesar di luar negara dalam sektor R&D selepas NTT Amerika. Ia mencatatkan pendapatan AS\$72 bilion pada 1997 dan mempunyai 230,000 tenaga kerja.

(END)